



SM Faliq (kiri) pada majlis pelancaran Galeri KL Metropolis Show, semalam.

Met3 RM8.1 bilion

■ Naza TTDI dijangka muktamadkan kerjasama pelaburan dengan sebuah syarikat asing pada suku pertama 2017

Hafiz Ithnin
hafizithnin@-
mediaprima.com.my

Kuala Lumpur

Naza TTDI Sdn Bhd (Naza TTDI) dijangka memuktamadkan kerjasama pelaburan dengan sebuah syarikat asing pada suku pertama 2017 bagi projek pembangunan hotel mewah bagi fasa kedua projek KL Metropolis selain menara mercu tanda pada fasa ketiga dikenali sebagai Met3 membabitkan nilai pembangunan kasar (GDV) RM8.1 bilion.

Timbalan Pengerusi Eksekutif dan Pengarah Urusan Kumpulan Naza TTDI, SM Faliq SM Nasimuddin ber-

kata, pihaknya kini dalam proses perbincangan bersama antara tiga hingga empat pelabur asing yang mana sebahagiannya beroperasi di Malaysia.

Beliau berkata, mencari rakan pelaburan untuk membangunkan hotel berkenaan adalah salah satu komponen yang dilihat kritikal berbanding komponen lain di dalam pelan induk KL Metropolis.

"Ada antara pelabur asing yang berbincang dengan kami sudah melabur di Malaysia dan kami tidak dapat mengumumkan nama sya-

rikat ini kerana ia masih di peringkat awal.

"Ketika ini, kami turut memberi tumpuan bagi membangunkan blok kediaman servis mewah yang dijangka dilancarkan pada penghujung tahun ini," katanya pada majlis pelancaran Galeri KL Metropolis Show, semalam.

Galeri KL Metropolis Show ber keluasan 14,000 kaki persegi terletak di Naza Tower, Platinum Park, Kuala Lumpur yang dilengkapi ruang khas untuk penyambut tetamu, bar kopi, ruang perbincangan, bilik AV dan ru-

ang permainan kanak-kanak.

SM Faliq berkata, pihaknya mengambil keputusan membangunkan projek kediaman terlebih dulu berbanding unit komersial berikutan kelemahan jualan dalam segmen hartanah berkenaan.

Katanya, sebanyak 616 unit kediaman dibangunkan dengan harga tawaran bermula RM2,000 sekaki persegi.

"Dalam persekitaran unit komersial yang tidak terjual ketika ini, kami mengambil langkah untuk memulakan projek kediaman terlebih dulu dan mula membangunkannya sekiranya keadaan pasaran kembali stabil," katanya.

FAKTA

Sebanyak 616 unit kediaman dibangunkan dengan harga tawaran bermula RM2,000 sekaki persegi